

Kaum lain

jadi Melayu

UM 10 JUL 1986

KUALA LUMPUR 14 Julai — **Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan golongan - golongan tertentu bahawa bahasa Melayu yang dijadikan bahasa rasmi negara tidak akan menukar sesiapa menjadi orang Melayu.**

Katanya, penerimaan dan pengamalan bahasa kebangsaan yang berteraskan bahasa Melayu oleh kaum - kaum di negara ini tidak akan menukarkan bangsa kaum itu. Mereka akan terus dibenar menggunakan bahasa ibunda masing - masing.

Oleh yang demikian, tegas Perdana Menteri, tidak perlulah golongan - golongan tertentu itu terus menjadikan bahasa kebangsaan sebagai satu bahan kontroversi.

Berucap merasmikan Konvensyen Bahasa Kebangsaan anjuran Biro Kebudayaan UMNO Malaysia di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya di sini hari ini, beliau menambah: "Apa yang diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan bukan lagi bahasa Melayu tetapi adalah bahasa Malaysia yang baru dan moden yang mana boleh menerima cabaran perkembangan pengetahuan semasa."

Beliau juga menjelaskan, penggunaan serta penguasaan bahasa kebangsaan dalam kehidupan harian sama ada secara rasmi atau tidak, tidak akan menjadikan seseorang itu orang Melayu tetapi akan menentukan seseorang itu adalah "Malaysian."

Datuk Sri Dr. Mahathir juga berkata, dalam perancangan bahasa bagi negara ini, negara mempunyai model tersendiri yang tidak ditiru daripada mana-mana negara.

Katanya, model ini dibina dan diperkembangkan dari dalam berdasarkan etnik dan kebahasaan yang mencirikan alam kita, proses-proses sejarah yang dilalui dalam mencapai kemerdekaan serta berdasarkan cita-cita untuk terus hidup sebagai bangsa yang maju dan berdaulat.

Berhubung dengan persepsinya tentang bahasa di zaman moden ini, beliau menegaskan tidak ada bahasa dalam dunia ini yang terkecuali atau bersih dari pengaruh bahasa - bahasa lain.

Tambahnya, ini disebabkan oleh perkembangan ilmu serta perkembangan komunikasi yang pesat menyebabkan saling penerapan berbagai bahasa ke dalam semua bahasa lain sehingga tidak ada bahasa yang bersih dari perkataan asing.

"Kita tidak lagi perlu keaslian untuk mentakrifkan sesuatu bahasa sebagai bahasa kebangsaan," ujar beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga memberitahu bahawa bahasa Malaysia bukan sahaja terasing dari bahasa lain - lain keturunan tetapi juga berbeza dari bahasa Melayu sendiri.

Ini, tambahnya, disebabkan oleh penerapan segera perkataan dan loghat baru yang dicipta oleh pakar - pakar bahasa serta penggunaan istilah - istilah baru oleh orang awam, dan akhbar, di samping penyelarasan bahasa Malaysia dengan bahasa Indonesia.

Kesal

Perdana Menteri juga kesal dengan tabiat dan sikap para pengguna bahasa Malaysia terutamanya orang - orang Melayu kerana tidak yakin orang lain boleh bertutur dalam bahasa Malaysia selain dari kerap kali mengikut dan meniru loghat yang salah.

"Justeru itu, kita membalas percakapan mereka dalam bahasa Inggeris dan ini menyebabkan orang - orang asing di Malaysia jarang faham bahasa Malaysia walaupun telah tinggal bertahun-tahun," tegasnya.

Beliau juga mengajak orang ramai memperkukuhkan lagi kedudukan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu jika kita mempunyai cita-cita untuk menjadikan bahasa Malaysia sebagai bahasa antarabangsa.

Bagaimanapun, tegas Datuk Sri Dr. Mahathir: "Kita tidak harus bergantung kepada hasil terjemahan semata-mata walaupun ia baik untuk memperkayakan ilmu jika kita mahu mewujudkan keyakinan orang terhadap kemampuan bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu."

PM — tak akan

Serentak dengan itu Perdana Menteri mengingatkan, dalam usaha mendaulatkan bahasa Malaysia sikap negatif terhadap penggunaan - penggunaan bahasa - bahasa lain tidak harus ditanam kerana ia memperkayakan ilmu dan membuka mata kepada alam lain.

Di samping itu, beliau juga menasihatkan orang - orang Melayu supaya mempelajari bahasa - bahasa kaum lain seperti bahasa Cina dan India untuk memahami kebudayaan dan psikologi mereka.